



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka

Tel : 06-555 2104 Faks : 06-331 6115

E-mail : bendahari@utem.edu.my

PEJABAT BENDAHARI

Ruj. Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 (17)

Ruj. Tuan (Your Ref) :



3 November 2011
7 Zulhijjah 1432 H

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 9/2011

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan,

PINDAAN PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 2/2009 – TATACARA PENGURUSAN KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA WANG AWAM UTeM PINDAAN KEPADA PERENGGAN 4.4.6

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pindaan berhubung tempoh masa bagi Pegawai Penyiasat menyediakan laporan akhir berhubung kehilangan wang awam yang lengkap kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan berserta dengan syor dan ulasan Naib Canselor yang dipinda melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2011 (SPP 3/2011). Tempoh masa penyediaan laporan akhir oleh Pegawai Penyiasat sebelum ini telah diterimapakai melalui Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2009 (PB 2/2009).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari telah menerimapakai peraturan pengurusan kehilangan dan hapus kira wang awam melalui Arahan Perbendaharaan (AP), Pekeliling Perbendaharaan (PP) dan surat-surat pekeling perbendaharaan yang berkaitan melalui Pekeliling Bendahari Bil. 2/2009.
- 2.2 Mengikut perenggan 4.4.6, Pekeliling Bendahari Bil. 2/2009, Laporan Akhir yang lengkap dengan syor dan ulasan Naib Canselor hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh laporan awal disediakan untuk kelulusan.

3.0 PINDAAN

- 3.1 Selaras dengan pemakaian pindaan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 2008 melalui SPP 3/2011, maka pindaan ke atas perenggan 4.4.6 Pekeliling Bendahari 2/2009 hendaklah dipinda dan dibaca seperti berikut:

*" 4.4.6 Sekiranya jumlah kehilangan melebihi RM25,000.00, Laporan Akhir yang lengkap dengan syor dan ulasan Naib Canselor hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan dalam tempoh **dua (2) bulan** dari tarikh laporan awal disediakan untuk kelulusan. "*

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Surat Pekeliling Bendahari ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

5.0 PEMBATALAN

- 5.1 Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling ini, perenggan 4.4.6 di bawah Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2009 dibatalkan.

Sekian, terima kasih. *Wassalam.*

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Pejabat Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k **Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan**
Naib Canselor

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor Bin Husain
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi